



قلمنا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 8

RABU 22 FEBRUARI, 1984.

رابعو 20 جادي الاول 1404

PERCUMA

Menyembahkan Surat Tauliah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan bagi Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Di-Raja Thai, Awang Pong Bua lam dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia, Awang John Macartney dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Darul Hana pada petang hari Khamis lepas.

Selepas menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan, kedua orang diplomat tersebut telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu satu Perbarisan Tabik Hormat telah diadakan di pekarangan

Istana Darul Hana yang terdiri dari 33 orang anggota Batalion Kedua Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah Leftenan Roslan bin Hamdan yang juga

diserikan dengan permainan pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Diraja Thai, Awang Pong Bua lam menyembahkan Surat Tauliah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia, Awang John Macartney ketika mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam setelah menyembahkan Surat Tauliah ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia.

Tetamu luar negeri mula tiba

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Iskandar Al-Haj Ibtai Al-Marhum Sultan Ismail, Sultan Negeri Johor dan D.Y.M.M. Sultanah Johor Tengku Hajjah Zanariah telah berangkat tiba petang Isnin lalu untuk menghadiri sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan D.Y.M.M. Sultan dan Sultanah Johor itu telah dialu-alukan oleh Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiyah dan lain-lain ahli Kerabat Diraja.

Beberapa orang tetamu dari luar negeri yang telah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Acara perayaan Hari Kebangsaan yang bersejarah dan gilang-gemilang sempena kemerdekaan negara ini akan turut disaksi dan diraikan bersama oleh beberapa orang kenamaan dan ketua negara dari negara-negara luar seluruh dunia.

Menjelangnya bermulanya perayaan Hari Kebangsaan esok, Negara Brunei telah didatangi oleh para pemimpin dan wakil-wakil negara termasuk perdana menteri, duta-duta, pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi, menteri-menteri wakil-wakil peribadi dan jemputan khas negara-negara asing.

Mereka adalah antara hampir 40,000 orang yang akan menyaksikan bersama sambutan besar-besaran yang gilang-gemilang bermula dengan satu Perhimpunan Agung di Stadium Negara Hassanah Bolkiyah esok.

Ketua-ketua negara, ketua kerajaan atau wakil-wakil peribadi ketua negara serta jemputan khas adalah difahamkan dari negara-negara ASEAN, Komanwel dan beberapa buah negara Islam yang lainnya.

Negara-negara tersebut termasuklah Guyana, Austria,

BEBERAPA PEMBESAR NEGARA HADIRI HARI KEBANGSAAN

Nepal, Malawi, Australia, Fiji, Oman, New Zealand, Jepun, Kanada dan Itali.

Selain itu Cyprus, India, Bostwana, Pulau Maldiva, Papua New Guinea, Pakistan, Great Britain, Filipina dan lainnya juga turut serta.

Antara ketua-ketua negara dan pembesar negara luar yang akan hadir termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Putera Wales, Kebawah Duli Yang Mulia Yang Dipertuan Agong Malaysia, Presiden Suharto, Presiden Zia Ul-Haq, Presiden Marcos, Perdana Menteri Tuan Lee Kuan Yew.

Presiden Sir Hammer Roberts dari Nauru, Raja Taufahu Tupau IV dari Tonga, Taja Malitua Tanu Mafili II dari Western Samoa; Syed Faisal Ali dari Oman; Gebenor Jeneral Sir Kingford Dibella dari Papua New Guinea; Jeneral Prem Tinsulanonda dari Thailand dan beberapa orang pemimpin, wakil dan pembesar negara yang lain.

Pihak kerajaan telah menempah beberapa buah tempat penginapan termasuk

Oleh Manap Rahman

hotel-hotel terkemuka di ibu negara, villa-villa yang telah didirikan dan beberapa buah rumah persendirian yang telah dikhususkan bagi pembesar-pembesar negara tersebut.

Sepanjang minggu lepas seluruh negara telah melipatgandakan persiapan-persiapan terakhir bagi sambutan kemerdekaan tersebut dengan tumpuan diberikan di ibu kota dan sekitarnya.

Sepanjang jalan utama di ibu kota kini telah dihiasi dengan bangunan pintu-pintu gerbang tersegam indah, tiang-tiang bendera dan bangunan-bangunan semua dihiasi termasuklah pemberian di sekitar ibu kota.

Wajah ibu negara di waktu malam berubah corak dengan sinaran lampu yang

gemerlapan bermandikan cahaya.

Sepanjang perayaan Hari Kebangsaan ini beberapa acara telah disusun yang kebanyakan darinya adalah yang bercorak kebudayaan negara ini.

Di samping itu turut memberikan persembahkan mereka nanti ialah negara-negara ASEAN yang sama-sama meraikan dan memeriahkan lagi sambutan ini. Mereka dijangka akan membuat persembahan kebudayaan negara masing-masing.

MANISNYA IMAN

"ALLAH tidak hendak merugikan seseorang hatta sekecil debu. Meskipun perbuatan baik itu sekecil debu namun akan dilipatgandakan Allah juga dan akan diberi-Nya pahala yang besar dari sisi-Nya." — Makna ayat 40, Surah An-Nisa.

Kibarkan bendera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seluruh rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Hari Kebangsaan yang akan bermula esok.

Bagi orang-orang yang dikurniakan gelaran, mereka adalah dikehendaki mengibarkan bendera peribadi masing-masing.

Bendera hendaklah dikibarkan sehingga 2 Mac, 1984.

RTB

Intisari minggu ini



DENDANG REMAJA

KELUARAN kelapan minggu ini menghadirkan dendangan dari NOORHAYATI HJ. ABD HAMID, MOHAMMAD HASSAN dan HASNEH MOHD. DELI. Jemputlah bersama pada hari JUMAAT 24 Februari jam 5.00 petang. Ulangannya akan ke udara pada hari AHAD jam 11.00 pagi.

TETAMU RADIO

TETAMU radio kali ini akan berpeluang mengikuti Temubual Awg Zaini Haji Mohd Yusof dengan Penyanyi Tempatan kita Suaidy Trokie, yang mana akan dapat diikuti siarannya pada hari Ahad jam 5.00 petang. Rancangan terbitan Salmah Haji Abdul Rahman.



Salah satu khidmat Radio kepada orang ramai ialah mengenengahkan bakat baru dalam bidang seni lakon. Seperti yang kelihatan dalam gambar ini beberapa orang pelakon baru beraksi untuk menghidupkan watak masing-masing dalam cerita BISIKAN PURIH TUNTUTAN PANCIR yang kami pilih untuk siaran berbentuk pentas atau Panggung Radio yang akan ke udara pada 26 Februari 1984 jam 10.15 pagi. Panggung ini diusahakan dan diterbitkan.

RADIO MINGGU INI: LIPUTAN

Oleh: Matussin Hj. Md. Tahir

SETIAP detik berlalu, maka setiap saat itu juga liputan pasti meninggalkan kenangan. Cuma insan sahaja yang lalai mengingati akan detik dan peristiwa yang dilaluinya.

Waktu tak pernah lupa dengan kewajipannya, ia tetap beredar terus tanpa tunggu dengan apa yang terkebelakang. Kerana itu manusia harus mengerti akan iktikad di mana bumi dipijak di situ lah langit akan terjunjung.

Kini era baru telah mengamit dua purnama di hati kita. Dalam jangka itu sudah pasti pelbagai ragam telah terlaksana dan tersempurna, tapi bentuk dan ragam manusia itu juga tidak pernah serupa. Ada calang dan curing-duringnya di mana-mana. Namun kehendak hati insan itu tidak rela tercatat walau seiris pun.

Bayangkanlah antara kehendak hati manusia dengan ketetapan Tuhan pencipta alam ini. Pendeknya, manusia tidak rela dirinya dalam kepincangan pun dirinya dalam kekuntangan atau apa sahaja keadaan alam yang tidak cucuk dengan dirinya dan kehidupan. Maka perkara itu adalah tersih dari kemahuan manusia. Apa lagi untuk mendampingi dan didampingi.

Dari suasana lintasan gambaran ini, detik-detik suara radio akan terus bernada. Meski ada yang sumbang di hujung, tapi di pangkal akan terurai juga. Meskipun eluk di pangkal mungkin akan ada juga sumbangnya di midal.

Ya di mana-manapun, kehendak manusia akan sukar terpenuhi semua. Apalagi dalam bentuk dunia penyiaran ini. Suara dan lagu akan pincang groupnya, jika tidak ada pendengarnya. Drama dan tari akan kusut jadinya, jika aluk pengarahnya tidak cucuk dengan pelakunya. Begitu juga sumbangsih radio.

Apa yang radio harapkan di arena ini, tidak satu pun tidak dua ialah asam-garam

untuk dihidangkan perlu ada setiap masa. Jika ini berkurangan mungkin selera akan tawar merasa. Ada yang suka mungkin ada pula yang sebaliknya.

Lantaran itu, tinggi rendah dan turun naik penerbitan radio bukan menjadi ukuran semasa untuk memastikan bahawa hidangan itu akan tetap lazat rasanya dan diingini. Mungkin sesekali akan terasa pahit untuk dimakan dan mungkin juga akan terasa terlalu manis untuk dihidang dan mungkin juga akan terlalu pedas untuk disajikan. Entah apa lagi peranan yang perlu dimainkan oleh pemasak dan perancang sendiri.

Dalam suasana kesibukan dengan aneka perayaan ini, radio amat berperanan untuk mengexplotasikan apa jua rancak-rancak yang patut diisikan. Bukan sahaja untuk mengetahui siaran secara langsung di sekitar upacara Liputan Hari Kebangsaan 23 ini malah radio akan tetap bersama pendengarnya dalam apa juga bentuk perancangan di setiap detik dan peristiwa di tanahair kita ini.

Penerbit, juruhebah akan cuba memberikan gambaran yang dikirakan tidak pun setepat-tepatnya di upacara liputan Hari Kebangsaan itu. Malah ianya sedikit sebanyak akan cuba berperanan menghebahkan ulasan selayang pandang buat pengetahuan pendengarnya yang kurang berkesempatan menghadiri di upacara yang bersejarah itu.

Kini di saat perayaan negara kita mula bergema di seluruh caruk-rantau dan pesisirnya, maka tidak hairanlah radio akan terus berperanan dalam menyalurkan penyiaran untuk pendengarnya.

Dalam mana juga Perkhidmatan Bahagian Radio (Cina) yang biasanya memulakan siarannya dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi akan menambahkan siaran secara langsung di Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tanggal 23 Februari, 1984 ini bermula jam 6.30 pagi

sehingga berakhirnya upacara tersebut.

Sementara Perkhidmatan Bahagian Radio (Inggeris) yang biasa siarannya bermula jam 6.30 pagi hingga 8.00 pagi akan meneruskan la siarannya sehingga 11.00 pagi. Rancangan ini termasuklah liputan secara langsung upacara Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Di sinilah lagi akan cuba tercungkilnya bakat-bakat yang sedia ada bagi penguala atau penerbit-penerbit radio itu bagi melahirkan kepintaran mereka untuk membuktikan bahawa bidang penyiaran radio ini merupakan satu bidang profesion yang tersendiri, bukan semua orang yang ada memilikinya.

Khidmat liputan radio adalah untuk bangsa, ugama dan tanahair kita Brunei Darussalam.

Rancangan Khas Radio:

"BRUNEI MERDEKA"

PERLEMBAGAAN bertulis tahun 1959, merupakan Perlembagaan pertama yang membawa Negara Brunei Darussalam ke arah bekerja sendiri mulai 29 September 1959, dan seterusnya mencapai kemerdekaannya semula pada 1 Januari, 1984 yang baru lalu.

Untuk mengenang kembali segala peristiwa dan sejarah yang besar artinya kepada bangsa dan negara itu, Bahagian Melayu Radio Brunei akan merakamkannya dalam satu rancangan khas bersiri yang bertajuk "BRUNEI MERDEKA" berbentuk rancangan radio. Rancangan tersebut akan disiarkan ke udara mulai hari Khamis, 23 Februari, 1984 jam 2.30 petang, dan siaran ulangannya dapat didengar pada tiap-tiap hari Ahad, jam 2.30 petang.

Rencana "Brunei Merdeka" disiarkan sebanyak tujuh siri masing-masing bertajuk: Kegemilangan Brunei dari abad ke-16 hingga awal abad 20, Wujudnya rancangan bagi membentuk Perlembagaan bertulis Brunei, Rundingan di London dan termaktubnya Perlembagaan Brunei 1959, Kemajuan Perlembagaan 1959 dalam konteks perkembangan sosial dan ekonomi, kemajuan Perlembagaan 1959 dalam konteks perkembangan ugama Islam dan siri terakhir Brunei menuju era baru dalam Kemerdekaan penuh lagi berdaulat tahun 1984.

Rencana "Brunei Merdeka" ditulis serta disusun untuk siaran radio oleh Pengiran Hj Mat Salleh, dan penerbitnya Awang Ali Haji Aji.



LAGU-lagu dari kumpulan Point Blank, Kingdom dan Sudirman menjadi pilihan peserta rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini iaitu Dayang Rozianah bte Ahmad dialamat Peti Surat 2676, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Rancangan ini akan ke udara pada hari Selasa 28 Februari, jam 4.00 petang.

NOORHAYATI



HASNEH



MOHAMMAD

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 22 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 THE INCREDIBLE HULK (Animasi)
5.20 DIFFERENT STROKES (Siri Komedi)
5.45 3 2 1 CONTACT
6.00 BERITA AWAL
6.05 3 2 1 CONTACT — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Steele Among The Living" Seorang pelukis mati dibunuh. Suami-nya tidak yakin kerana mempunyai

- 7.40 SUSUNAN RANCANGAN
7.45 PERHIMPUNAN AGUNG — SIARAN LANGSUNG DARI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH.
11.00 SALAM MESRA: NAJIB HAMID DAN YASMIN YUSUF
11.30 TAYANGAN GAMBAR: "The Return Of The Man From U.N.C.L.E." Napoleon Solo dan Illya Kuryakin kembali semua untuk meneruskan tugas-tugas pengintipan mereka setelah lima belas tahun kemudian. Pelakon-pelakon: Robert Vaughn, David McCallum, Patrick MacNee, Tom Mason dan lain-lain.
12.39 AZAN ZUHUR
12.45 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
1.35 HIBURAN — DENDANG DARUS-SALAM
2.35 CARTOON SPECIAL: TROUBLE WITH MISS SWITCH
3.35 KOMBO DO RE ME
3.59 AZAN ASAR
4.05 KOMBO DO RE ME — sambungan
4.40 WOODY WOODPECKER
4.45 RENCANA: BRUNEI DALAM ASEAN
5.45 TEATER KANAK-KANAK
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEATER KANAK-KANAK — sambungan

MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.30 ABC WIDE WORLD OF SPORTS (Episod terakhir)
2.20 BINTANG KECIL SEPAPUH AKHIR (Ulangan)
3.05 ROAD RUNNER
3.30 IN SEARCH OF: "In Search Of King Tut"
3.59 AZAN ASAR
4.02 THUNDERBIRDS
4.30 OMNI, THE NEW FRONTIER
4.55 KONONNYA: "Tiga Sahabat"
5.20 THAT'S PANTHER TAINMENT (Kartun)
6.00 BERITA AWAL
6.05 BENJI: "The Prince And The Bag"
6.25 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE PAPER CHASE: Penuntut undang-undang tahun kedua James Hart dengan kejayaan-kejayaannya yang cemerlang mendapati dirinya sangat dikehendaki. Ini mengingat dari beberapa banyak tawaran-tawaran yang telah dibuat kepadanya oleh beberapa orang wakil-wakil firma-firma undang-undang yang ingin merekrutnya dalam percutian musim bunga.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE PAPER CHASE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA: "Amanah" Bhg. 5
10.15 BERSAMA LINDSAY CHAN
10.45 DALLAS: "My Brother's Keeper"
11.35 WKRP IN CINCINNATI: "The Airplane Show"
12.00 MAGNUM: "Smaller Than Life"
12.50 SIARAN TAMAT.

- 3.58 AZAN ASAR
4.03 SMURF
4.30 DOC.: AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS
5.00 APANYA KITANI (Ulangan)
5.45 SPIDERMAN AND HIS AMAZING FRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 ALICE: "Mel's Cup"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 ALICE — Sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Pirate's Key" Bhg. II (Episod terakhir)
7.48 AZAN ISYAK
7.53 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 PERHIMPUNAN AGUNG HARI KEBANGSAAN — Ulangan
10.05 FORUM
11.05 TEACHERS ONLY
11.35 DOK. FIGHTER PILOTS: "Dreams"
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 27 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TALES OF MAGIC (Episod terakhir)
5.00 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS "History Of Doom" (Episod terakhir)
5.30 NEPTUNE JOURNALS: "Quest For Phoenician Gold" Bhg. II
6.00 BERITA AWAL
6.25 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "Friends In High Places"
7.48 AZAN ISYAK
7.53 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.35 BINTANG KECIL — SEPAPUH AKHIR
10.05 THE COMMANDING SEA: "Cargoes"
10.25 BLOOD FEUD
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 28 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 CANTINFLAS
5.00 BUGS BUNNY SHOW
5.25 CAMP WILDERNESS: "Reel Fun"
5.50 WHIZ KIDS: "Candidate For Murder"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WHIZ KIDS — sambungan
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 WHIZ KIDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "The Molly Sue" (Episod terakhir)
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 UPACARA PERBARISAN ANG-KATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (Ulangan)
9.35 SISTEM EIAAN BARU
10.05 ARENA SUKAN
11.05 DYNASTY: "Tracy"
11.55 SIARAN TAMAT.

RANCANGAN TVP—dari 27 hingga 29 Februari 1984

RABU — 27 FEBRUARI

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percembahan I)
Dalam rancangan ini murid-murid dapat melihat percembahan biji benih.
1. Percembahan tatanah dan
2. Percembahan lamtatanah.
Percembahan tatanah ialah kotilidan di bawah naik ke atas batang. Bagaimana pula dengan percembahan lamtatanah? Adakah juga kotilidan biji benih dibawa naik? Dengan menggunakan kamera khas kamu akan dapat melihat bagaimana percembahan-percembahan ini berlaku.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Bedroom)
Siri ketujuh ini mengajar murid-murid nama-nama benda yang terdapat dalam 'Bedroom' dan beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'G'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita.
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Ikan)
Ikan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan.

1. Ikan Air Masin
2. Ikan Air Tawar.
Apakah yang membolehkan ikan boleh timbul atau tenggelam? Untuk mengetahuinya ikutlah nanti rancangan ini.

RABU — 28 FEBRUARI

PAGI

- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Bedroom)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percembahan I)

RABU — 29 FEBRUARI

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Ikan)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Bedroom)

PERHATIAN:

- Siri Rancangan Sains Untuk Darjah 6 tidak akan disiarkan bermula pada minggu ini iaitu 28 Februari, 1984 dan akan disiarkan semula pada Penggal Kedua.

HARI SABTU 25 FEBRUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 SELINGAN
2.30 SIARAN LANGSUNG PERARAKAN KERETA BERTIAS DAN PERTUNJUKAN PAYUNG TERJUN.
5.00 CARTOON SPECIAL: MISS SWITCH TO THE RESCUE
6.00 BERITA AWAL
6.05 EDGE OF THE COLD: "Ocean Wanderers"
6.25 PRIVATE BENJAMIN: "Judy's Cousin" (Episod terakhir)
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 PRIVATE BENJAMIN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "King Of The Hill"
7.49 AZAN ISYAK
7.54 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MEMASAK: "Talam Seri Kaya Suon"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Charge At Feather River"
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 26 FEBRUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER